

Ruj. Kami : PERB.PRJ(PELB.).09.172.Jld.2 ( )  
Tarikh : 1 Zulkaedah 1444H  
21 Mei 2023



## MAJLIS DAERAH SIK

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

Jabatan Yang Mengeluarkan Sebut Harga	Gred Kontraktor	Kod Bidang	Tajuk Projek	Tarikh Pembelian & Tarikh Tutup Sebut Harga
Majlis Daerah Sik	G1	CE21	<b>MDS/PER/SH/07/2023</b> Menyelenggara Kolam Takungan Bandar Baru Beris Jaya, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman	Tarikh Pembelian Sebut harga Pada <b>25/05/2023</b> Hingga <b>04/06/2023</b>
Majlis Daerah Sik	G1	CE21	<b>MDS/PERB/SH/08/2023:</b> Menyelenggara Kolam Takungan Taman Sejahtera, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman	Tarikh Tutup Sebut harga Pada <b>04/06/2023</b> Jam <b>12.00</b> Tengah Hari

2. Pihak kontraktor atau pembekal mestilah berdaftar dengan Majlis Daerah Sik terlebih dahulu sebelum membeli dokumen sebut harga. Pendaftaran kontraktor untuk **G1** adalah sebanyak **RM100**. Pihak kontraktor dan pembekal mestilah membawa bersama dokumen-dokumen berikut semasa mendaftar :

- i. **Sekeping gambar pengurus berukuran passport**
- ii. **Salinan kad pengenalan pengurus dan rakan kongsi**
- iii. **Sijil original dan salinan sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

3. Pihak kontraktor dan pembekal wajib menghadiri diri semasa sesi taklimat dan lawatan tapak seperti yang tertera. **Hanya pihak kontraktor dan pembekal yang hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Wakil daripada pihak Kontraktor atau Pembekal adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut.** Sesi taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 25 Mei 2023 (Khamis)**  
**Masa : 9.00 Pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman**

4. Pihak Kontraktor dan Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (KKM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan yang mempunyai kod bidang serta tajuk yang dibenarkan sahaja **LAYAK** untuk menyertai sebut harga.

5. Dokumen sebutharga boleh dibeli di Kaunter Majlis Daerah Sik pada **25 Mei 2023 (Khamis)** jam **10.00 pagi** dan setiap borang akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00**. **Hanya kontraktor dan pembekal yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga tersebut.**

6. Pihak kontraktor dan pembekal perlu melampirkan dokumen-dokumen berikut semasa menyerahkan sebut harga seperti salinan **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, salinan **Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, salinan **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, salinan **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan salinan **Penyata Bank Tiga (3) Bulan** yang terkini bersama sebut harga yang lengkap.

7. Dokumen sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang **tarikh tutup**, dan **tajuk sebut harga** dan dialamatkan kepada :-

**Majlis Daerah Sik**  
**08200 Sik**  
**Kedah Darul Aman**

8. Tarikh tutup sebut harga ini adalah pada **4 Jun 2023 (Ahad)** jam **12.00 tengah hari**. **Majlis Daerah Sik tidak akan melayan sebarang kelewatan pengeposan dokumen sebutharga tersebut.**

**MAJLIS DAERAH SIK TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA SEBUT HARGA YANG PALING RENDAH ATAU SEBARANG SEBUT HARGA.**

**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS DAERAH SIK**  
**KEDAH DARUL AMAN**

s.k. : a) Ketua Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Sik  
b) Ketua Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Daerah Sik